

ANALISIS WAJAH SEORANG WANITA MENERUSI TU'MINUBILLAH DALAM SASTERA PROFETIK

TUAN RUSMAWATI RAJA HASSAN
Universiti Kebangsaan Malaysia
rusmawati.ukm@gmail.com

MAWAR SAFEI
Universiti Kebangsaan Malaysia
mawar.safei@ukm.edu.my

MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH
Universiti Kebangsaan Malaysia
muammar@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini menumpukan penelitian terhadap perwatakan dalam penghasilan novel Melayu, bagi membuktikan bahawa sastera Melayu memiliki peranan dalam menumbuhkan nilai-nilai profetik, perkembangan intelektual dan sosial masyarakat. Kajian sastera mampu memberi unsur pendidikan lebih-lebih lagi dalam konteks pemaparan nilai-nilai profetik menerusi perwatakan dalam novel. Hal ini kerana novel merupakan cerminan tentang peristiwa yang berlaku atau citra kehidupan manusia. Sastera menerusi keprofetikan mampu membangunkan keperibadian dan menanamkan nilai positif dalam diri masyarakat. Kajian ini menganalisis novel *Wajah Seorang Wanita* karya S.Othman Kelantan dari perspektif Gagasan Profetik oleh Kuntowijoyo. Kajian ini menemukan bahawa menerusi perspektif Gagasan Profetik, S.Othman Kelantan memperagakan ketekalannya untuk mengangkat watak-watak dalam novel dengan menyelitkan satu bentuk perutusan yang perlu dimaknai khalayak. Ini berlaku ke atas *Wajah Seorang Wanita* yang dianalisis menggunakan etika *tu'minubillah*, salah satu daripada etika Sastera Profetik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, pemeragaan watak wanita lewat *Wajah Seorang Wanita* menjadi suatu puncak tertinggi yang menggambarkan ciri-ciri umat terbaik. Watak Siti Musalmah dikesani menepati etika *tu'minubillah*. Kajian ini merumuskan bahawa S.Othman Kelantan bukan sahaja mengangkat isu keprofetikan terhadap perwatakan dalam novel, malahan sifat tersebut juga sangat terserlah melalui karya dan aspek latar diri pengarang sehingga merentas kepada akar tradisi Melayu-Islamnya.

Kata kunci: etika *tu'minubillah*; Gagasan Profetik; Kuntowijoyo; S.Othman Kelantan; *Wajah Seorang Wanita*

ANALYSIS OF PROPHETIC IDEAS *TU'MINUBILLAH* IN *WAJAH SEORANG WANITA*

ABSTRACT

This study focuses on characters in the production of Malay novels. This research intends to prove that Malay literature has a role in the cultivation of prophetic values, the intellectual and social development for the masses. Literature is said to be able to provide more education elements in the context of the presenting the prophetic values through the characters in the novel. This is because, the novel is a reflection of what is happening or is called the image of human life. It is said to be able to develop personality and instilled positive values in the society. The research framework will apply the Prophetic Ideas by Kuntowijoyo. The novel, *Wajah Seorang Wanita* (1990) will be used for this research. The study had found that in Prophetic Ideas, S.Othman Kelantan demonstrates his consistency to uphold characters in his novels by including a form of message that requires an interpretation by the audience. This occurs in *Wajah Seorang Wanita* which were analysed using *tu'minubillah* ethic. The result shows that, the demonstration of female characters in *Wajah Seorang Wanita* shows the the best portrayal of female character. Siti Musalmah is found to be a character that identifies *tu'minubillah* ethic. The study concludes that S.Othman Kelantan does not only discuss prophetic issues of the characters in his novels, but also clearly maintains the characters in his works and his personal background across the Malay-Islamic traditional roots.

Keywords: *tu'minubillah* ethic; Gagasan Profetik; Kuntowijoyo; S.Othman Kelantan; *Wajah Seorang Wanita*

PENGENALAN

Makalah ini membincangkan Sastera Transendental seperti yang dikemukakan Kuntowijoyo di Temu Sastera pada 6 hingga 8 Disember 1982. Lanjutan daripada itu, ia kemudian dihalakan kepada kupasan teks berdasarkan etika terakhir dalam gagasan Sastera Profetik iaitu *tu'minubillah* yang bermaksud “beriman kepada Allah.” Walau bagaimanapun, etika *tu'minubillah* lebih dikenali sebagai “transendensi” menurut fahaman Kuntowijoyo. Etika ini merupakan etika terpenting dan menjadi pelengkap kepada dua etika lain iaitu humanisasi dan liberasi. Berteraskan kepada prinsip dalam etika ini, penelitian dilakukan terhadap novel *Wajah Seorang Wanita* (1990) yang dihasilkan S. Othman Kelantan. Kajian menyorot sufisme sebagai suatu pendekatan yang tepat untuk dijadikan etika *tu'minubillah*. Apabila menyentuh perihal beriman kepada Allah, tidak dapat tidak perlu membicarakan isu tauhid. Sebanyak lima pecahan dalam dimensi tauhid akan dibicarakan iaitu akidah, ibadah, akhlak, syariat dan muamalat berserta dengan contoh-contohnya.

SOROTAN LITERATUR

Meninjau kembali kegiatan S. Othman Kelantan dalam arena persuratan Melayu, beliau merupakan seorang sasterawan dan sarjana kesusasteraan Melayu. Kekuatan dan keunikan novel serta cerpen yang dihasilkan sebagai karya kreatif-imaginatif seringkali mengundang

minat pengkaji serta khalayak sastera amnya Justeru bahagian ini mengemukakan sorotan perbicaraan berkenaan kreadibiliti S. Othman Kelantan sebagai sasterawan di mata pengarang lain. Selain itu, resensi ini turut memperlihatkan penggunaan gagasan profetik dalam karya dan sastera di Indonesia serta di Malaysia.

Shahnon Ahmad (1991: 88) menjelaskan bahawa S. Othman Kelantan merupakan seorang sasterawan yang tidak pernah tumpul akalnya. Beliau selalu memperlihatkan perubahan dan kelainan dalam daya kreativitinya. Ia diwujudkan menerusi tema, persoalan, perwatakan dan sebagainya. S. Othman Kelantan dikatakan cuba meneroka novel *Ustaz* dari konsep penghijrahan. Penghijrahan di sini bermaksud menyarankan makna perubahan dalaman dari suatu keadaan kepada suatu keadaan yang lain sesudah memperoleh kesedaran ilmu yang sahih seperti yang ditonjolkan oleh watak Ustaz Saifuddin dan Siti Nuriza. Ini amat sukar difahami dan Shahnon Ahmad percaya bahawa S. Othman Kelantan mempunyai wawasan yang jauh lebih tersirat dari apa yang tersurat di dalam karyanya itu. Seterusnya, sorotan ini akan mengemukakan contoh-contoh aplikasi gagasan profetik dalam karya dan sastera di Indonesia serta di Malaysia.

Abdul Hadi W.M (2015: 1) dalam “Sastera Profetik, Nilai-nilai dan Relevansinya” menyatakan bahawa peranan sastera tidak semata-mata memperagakan kenyataan sosial yang ada, melainkan untuk menggambarkan cita-cita yang hidup dalam jiwa dan fikiran masyarakatnya. Tidak jarang pula sastera dipandang sebagai hasil renungan pengarang terhadap pengalaman batin menghayati ajaran agama dan merealisasikan pandangan falsafahnya. Perenungan ini dihayati dengan memberi tafsir terhadap ayat-ayat al-Qur’an, yang hasilnya ditransformasikan ke dalam ungkapan puitika sastera misalnya seperti yang ditemukan menerusi puisi-puisi Muhammad Iqbal dan beberapa penyair Parsi lainnya. Antara contoh puisi-puisi beliau adalah “Faqr”, “Manusia Merdeka” dan “Hanya Tuhan Ku Lihat.” Tradisi estetik seperti inilah yang dilihat Abdul Hadi W.M sebagai memungkinkan lahirnya karangan-karangan yang disebut sastera transendental, sufistik dan profetik. Hasil penelitian beliau mendapati bahawa penggunaan sastera berbentuk seperti ini sangat relevan dan menambah nilai kepada sesebuah karya.

Seterusnya, Jabrohim (2015:11) melalui “Nilai-nilai Profetik dalam Karya Sastera Indonesia: Sastera yang Memperhalus Akhlak, Mencerdaskan Akal dan Menajamkan Nurani” menyatakan bahawa, perubahan sosial dan budaya masyarakat sekian zaman telah mengheret kepada ketidakseimbangan susunan peradaban dunia. Hal ini akibat daripada pergeseran budaya yang menyebabkan ilmu pengetahuan terpaksa berkompromi dengan keangkuhan yang dikuasai masyarakat. Sastera seharusnya mampu memperhalus akhlak, mencerdaskan akal dan menajamkan nurani. Ia diperlukan untuk menjawab pertelingkahan (*conflict*) lokal dan global serta membebaskan peranan ilmu pengetahuan. Justeru itu, kesusasteraan profetik dilihat sangat relevan untuk meningkatkan nilai karya supaya sastera Indonesia lebih membijakkan dalam ekspresinya dan mendapat pengakuan yang sejajar dengan ilmu teknologi.

Perbincangan Jabrohim terhadap karya-karya Indonesia tersebut dilihat dapat dijadikan asas perbandingan bagi penelitian yang lebih komprehensif terhadap kesusasteraan Melayu dalam konteks Malaysia. Kajian yang menggunakan kerangka Islam dalam meneliti novel S.Othman Kelantan ini diharap dapat menambahkan koleksi dokumentasi Melayu khususnya yang menjurus kepada karya-karya Islam. Hal ini berikutan timbulnya perdebatan tentang kurangnya jumlah penelitian karya sastera Melayu yang memanfaatkan kerangka Islam sejak beberapa dekad. Kenyataan provokasi yang memperlihatkan “ketidakadilan”

terhadap watak wanita, kali ini menerusi acuan keprofetikan, ia cuba dirungkai. Namun begitu, kajian ini berhasrat melihat “kesaksamaan” terhadap perwatakan lelaki dan wanita.

Di sudut lain, terdapat satu makalah yang berjudul “Paradigma Profetik: Mungkinkah? Perlukah?” oleh Heddy Shri Ahimsa-Putra (2011) yang memaparkan sebahagian pandangan terhadap ilmu sosial-budaya profetik. Dalamnya terkandung model atau kerangka paradigma dengan unsur-unsur yang menurut Ahimsa-Putra lebih lengkap berbanding versi Kuntowijoyo. Berdasarkan paradigma ini, dijelaskan isi epistemologi profetik yang mencakupi dasar, etos dan model-modelnya. Didapati, perbincangan kembali masalah ilmu-ilmu profetik yang pernah dibicarakan oleh Kuntowijoyo dilakukan atas dasar kelemahan-kelemahan yang ditemukan. Oleh yang demikian, kajian ini dikembangkan dengan lebih lanjut untuk membangun sebuah paradigma profetik yang lebih jelas.

Di Malaysia, Gagasan Profetik dianggap masih baru. Norsuhada Mohammed (2017) menghasilkan sebuah kajian untuk Ijazah Sarjana Sastera yang berjudul *Remaja Islam dalam Novel Zaid Akhtar Berdasarkan Konsep Kaffah*. Kajian ini merupakan sebuah kerja-kerja penelitian gagasan profetik ke atas novel Zaid Akhtar iaitu *Sesegar Nailofar* (2000), *Rona Bosphorus* (2002), *Impian di Jaringan* (2007) dan *Salju Sakinah* (2008). Penelitian melihat kreativiti Zaid Akhtar menggembelng watak-watak remaja dalam novelnya agar dapat dijadikan panduan dalam mengajak khalayak melakukan kebaikan, mencegah kemungkaran dan beriman kepada Allah, sesuai dengan matlamat Kuntowijoyo. Didapati, Zaid Akhtar melakukan transformasi yang memperlihatkan kematangannya dalam kepengarangan apabila mengetengahkan isu jihad dalam *Sesegar Nailofar* dan *Rona Bosphorus*, tema aurat lewat *Impian di Jaringan* dan persoalan islah menerusi *Salju Sakinah*.

Kajian lain yang membicarakan gagasan profetik misalnya dilakukan oleh Saifullizan Yahaya dan Mohd. Faizal Musa. Saifullizan Yahaya (2013) menerusi tesisnya yang berjudul *Konsep Kaafah dalam Kumpulan Cerpen Pilihan Berdasarkan Gagasan Sastera Profetik* cuba untuk memberi penjelasan tentang konsep tersebut dan mengaplikasikannya dalam karya penulis muda. Beliau menganalisis empat buah kumpulan cerpen iaitu *Mencari Gayung* (2009) karya Serunai Faqir, *Di Dadanya Kalam Tuhan* (2009) garapan Ibnu Ahmad al-Kurauwi, *Yang Lebih Dia Cinta* (2009) nukilan Siti Hajar Mohd Zaki dan *Luka Smajo* (2010) oleh Ummu Hani Abu Hassan. Antara hasil penemuan beliau adalah keempat-empat kumpulan cerpen itu tidak sepenuhnya akur akan tuntutan Gagasan Profetik berdasarkan konsep *kaffah*.

Melalui “Wacana Sastera Transendental”, Mohd. Faizal Musa (2011) membahaskan konsep awal dalam pembentukan Gagasan Profetik menerusi “sastera transendental”. Ia secara umum mengajak khalayak ke arah kesedaran spiritual universal menerusi karya sastera. “Keindahan” dalam sastera tercapai apabila manusia dapat didekatkan dengan perihal ketuhanan iaitu penyatuan dengan kebenaran itu sendiri. Berdasarkan pemerhatian Mohd. Faizal Musa, Kuntowijoyo dilihat menolak bentuk khutbah yang berjela dan bergaya langsung. Walau bagaimanapun penafsiran terhadap makna menjadi amat penting dan ia dipaparkan melalui simbol dalam karya sastera. Maka gagasan ini turut mempertimbangkan kebebasan imaginasi pengarang. Kuntowijoyo menggalakkan kreativiti karyawan dengan penggembelngan unsur “inklusivisme.” Gagasan ini menolak konsep sastera dijadikan “alat dakwah” semata-mata. Hasil penelitian Faizal Musa mengesahkan bahawa tidak terdapat sebarang kekeliruan atau kontradiksi dalam hujah-hujah yang ditampilkan dalam gagasan profetik Kuntowijoyo.

Beberapa sisi lain yang dikerjakan Saifullizan Yahaya dan Mohd Faizal Musa berkenaan, diperhalusi dalam meneliti novel-novel S. Othman Kelantan iaitu *Wajah Seorang Wanita*. Secara relatifnya kajian ini bersifat baru, namun ia sangat dianjurkan kerana menawarkan satu acuan yang dapat dimanfaatkan dalam kajian kesusasteraan Melayu khususnya yang mengetengahkan kerangka Islam. Gagasan berkenaan diraikan bagi memberi kedudukan yang sewajarnya kepada watak-watak yang ditampilkan dan secara keseluruhan terhadap kepengarangan S. Othman Kelantan.

PERNYATAAN MASALAH

Bergerak dari pembacaan novel S. Othman Kelantan sebelum ini, didapati bahawa S. Othman Kelantan mempunyai kecenderungan memasukkan elemen keagamaan sama ada menerusi tema mahupun watak dalam karyanya. W.Said Al-Mehdi dalam “Pendekatan Tasawuf Amali Sasterawan Negara S. Othman Kelantan dalam novel *Ustaz*” pada tahun 2004 menyifatkan S. Othman Kelantan sebagai seorang “ulama sasterawan” kerana hampir setiap karya beliau baik cerpen mahupun novel memaparkan elemen keagamaan. Hal ini berikutan faktor latar belakang beliau dan keluarganya yang akrab dengan agama.

Hal ini dikukuhkan lagi apabila Siti Ezaleila Mustafa (2009: 126) mengklasifikasikan S.Othman Kelantan sebagai pemotret wajah Melayu. Ia dikatakan menjadi semacam kekuatan kepada S. Othman Kelantan khususnya dalam menghasilkan novel. Beliau dikatakan seorang pengarang yang menjadikan realiti kehidupan, imaginasi, sensitiviti, persepsi dan kreativiti sebagai asas penting dalam proses kepengarangan. Secara tidak langsung, novel yang dihasilkan S.Othman Kelantan menjadi refleksi terhadap keserjanaan dan ideologi yang diimaninya. Selain itu, beliau turut memperlihatkan kemampuannya berbicara tentang sastera Islam selain politik dan falsafah.

Justeru itu tidak dapat tidak, dapat dikatakan bahawa elemen keagamaan yang ditampilkan S.Othman Kelantan lewat karyanya dapat membentuk sahsiah pembaca serta mencerminkan peribadi pengarang. Yusoff Zaki Yacob (1986: 13) mengatakan, hasil-hasil sastera dapat dinilai dari kesan-kesan yang dirasakan dalam hati pembaca. Justeru itu, karya yang baik adalah karya yang menyemai keluhuran dan kesedaran khalayak dengan mesej dan ilmu yang berguna. Ia juga dilihat bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh Mawar Safei (2014: 23) bahawa, sesebuah penulisan haruslah mendatangkan manfaat kepada khalayak selain diri pengarang dan sastera Melayu di samping memenuhi tanggungjawab sosial dan agamanya.

Gagasan Profetik Kuntowijoyo menerusi perbahasan transendensi bakal digunakan sebagai kayu ukur dalam melihat sejauhmana kerangka Islam memberi satu kaedah menganalisis watak-watak secara adil, serasi dengan latar pengarang dan karya yang tumbuh dalam persekitaran Islam dan Melayu. Kajian ini dikerjakan bagi melihat bagaimana perwatakan dalam novel terpilih karya S.Othman Kelantan dapat memacu ke arah pembentukan sahsiah khalayak untuk beriman kepada Allah.

OBJEKTIF KAJIAN

Masalah penghayatan nilai-nilai Islam dalam kalangan masyarakat Melayu yang beragama Islam seringkali ditimbulkan dengan penuh rasa kebimbangan. Persoalan anak-anak muda yang terlibat dalam kancah jenayah sosial dan krisis moral seperti itu seringkali dibangkitkan. Tambahan pula peratusan gejala sosial remaja Melayu Islam kian meningkat dari semasa ke

semasa. Persoalan pokok tidak tertumpu kepada kemurnian agama, sebaliknya pelaksanaan ajaran Islam yang menjadi akidah orang Melayu. Di sinilah perlunya sumbangan dari pelbagai lapangan, khususnya sastera. Sastera merupakan antara medium yang dekat dengan masyarakat. Oleh yang demikian, ia mudah untuk “dihadam” dan ditafsirkan maknanya oleh masyarakat. Dikatakan bahawa, seorang khalifah yang baik berperanan melaksanakan tugas yang amat berat iaitu menyeru kepada kebaikan, mencegah kemungkaran dan beriman kepada Allah. Melalui karya ini terserlah pemikiran pengarang yang mewakili golongan umat Islam tentang pandangannya tentang kehidupan manusia berlandaskan tatacara Islam yang sebenar. Sehubungan dengan itu, dasar kajian ini adalah menganalisis konsep sastera Islam Gagasan Profetik dan mengaplikasikan Gagasan Profetik dalam novel *Wajah Seorang Wanita*.

TEKS KAJIAN

Novel *Wajah Seorang Wanita* antara lain memartabatkan ketabahan hati dan kegigihan wanita Kelantan yang berasal daripada sebuah keluarga ternama dalam menjalani pancaroba hidup. Ia bermula dengan penghijrahan keluarga dari bandar ke desa, diikuti dengan beberapa rentetan epilog kedukaan yang menyayat hati misalnya kematian ayah, anak-anak dan suami sewaktu pendudukan Jepun di Kelantan. Segala peristiwa getir yang berlaku cukup membuatkan Siti Musalmah matang dan tabah dalam menempuh segala dugaan dalam kehidupannya. Namun begitu, sebagai seorang wanita yang fitrahnya tidak seperkasa dan seteguh semangat lelaki, watak ini digambarkan menerima beban yang seakan tidak bertanggung dek badan. Kerakusan tentera Jepun, cabaran hidup sebagai seorang janda dan desakan untuk menyara keluarga begitu mencabar kemampuannya yang dahulunya banyak bergantung kepada suami. Walaubagaimanapun, Siti Musalmah digambarkan sebagai wanita solehah yang menyerahkan seluruh hidupnya kepada Allah, bertakwa dan mendepani hidup dengan sabar dan ikhlas. Watak Siti Musalmah merupakan suatu potret realiti wanita Kelantan yang diinspirasikan oleh ibu S.Othman Kelantan sendiri.

BATASAN KAJIAN

Untuk mencapai dasar kajian ini, maka novel *Wajah Seorang Wanita* ditekuni dari aspek perwatakan. Kewajaran pemilihan novel ini adalah berdasarkan kesesuaian untuk dikerjakan lewat salah satu daripada tiga etika dalam gagasan profetik iaitu transendensi. Rata-rata pemilihan novel *Wajah Seorang Wanita* pula misalnya bertolak dari rasa ingin tahu bagaimana proses kepengarangan S.Othman Kelantan yang mengambil watak-watak dari kisah benar dalam kehidupannya, lebih-lebih lagi watak utamanya yang merupakan tipa induk daripada ibu S.Othman Kelantan sendiri.

METODOLOGI KAJIAN

Sebanyak dua kaedah digunakan dalam kajian ini iaitu kepustakaan dan kajian teks. Kaedah kepustakaan digunakan bagi memperoleh sumber tentang Gagasan Profetik. Kaedah kajian teks dilakukan dengan menggunakan metod penyelidikan kualitatif. Kajian berbentuk deskriptif yang digunakan merujuk kepada beberapa proses iaitu pembacaan secara keseluruhan dengan menumpukan terhadap novel *Wajah Seorang Wanita* (1990) untuk ditekuni. Pembacaan secara mendalam atau *close reading technique* terhadap novel ini turut dilakukan secara berperingkat.

GAGASAN PROFETIK KUNTOWIJOYO

Gagasan Profetik merupakan pendekatan dialektik yang membawa maksud “sastera yang menjalankan kritikan sosial dan penilaian secara beretika” (Norsuhada Mohammed, 2017: 14). Dalam konteks kajian ini, Gagasan Profetik yang diperkenalkan Kuntowijoyo pada tahun 1988 dipercayai mampu menjadi satu kerangka yang ampuh dalam usaha melihat sejauhmana perletakan nilai karya sastera di Malaysia. Ia bakal dicungkil melalui pemeragaan watak-watak dalam novel yang diwakili oleh S.Othman Kelantan. Adalah diharapkan melalui kajian ini, ia menawarkan satu “wacana baru” bagi menilai perkembangan sastera Malaysia mutakhir dalam usaha penyebaran nilai-nilai Islam. Matlamat penting penelitian karya S.Othman Kelantan menggunakan Gagasan Profetik adalah untuk menjadi panduan kepada penulis lain dalam usaha menghasilkan karya yang memenuhi tuntutan Islam.

Titik tolak gagasan ini menurut kenyataan Kuntowijoyo (2006: 20) adalah berdasarkan surah Ali Imran ayat 110, “Kamu adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh yang makruf, mencegah kemungkaran dan beriman kepada Allah”. Ayat itu berisi tiga perkara iaitu “amar makruf” (menyuruh kebaikan), “nahi mungkar” (mencegah kemungkaran) dan “tu’minuna billah” (beriman kepada Allah). Berdasarkan tiga perkara tersebut, Kuntowijoyo membahagikan Gagasan Profetiknya kepada tiga perihal menggunakan istilahnya tersendiri iaitu humanisasi, liberasi dan transendensi. Walaubagai manapun, makalah ini hanya mengaplikasikan etika transendensi dalam analisis novel *Wajah Seorang Wanita*.

ETIKA TU’MINUBILLAH

Transendensi merupakan salah satu daripada tiga muatan ilmu sosial profetik selain humanisasi dan liberasi. Transendensi berasal dari perkataan *transcendre* yang ertinya “naik ke atas” dalam bahasa Latin. Sementara dalam bahasa Inggeris pula, *transcend* iaitu menembusi atau melewati. Kuntowijoyo menegaskan bahawa dalam istilah teologi, ia membawa maksud ketuhanan dan makhluk ghaib. Dalam al-Qur’an pula, transendensi merujuk kepada *tu’minubillah* iaitu beriman kepada Allah. Tujuan transendensi adalah untuk menambahkan dimensi transendental dalam kebudayaan, membersihkan diri daripada arus hedonisme dan materialisme. Dimensi transendental adalah sebahagian daripada fitrah manusia sebagai bentuk “persentuhan” dengan kebesaran Tuhan. Kesedaran ketuhanan ini disebut sastera transendental atau sufi sudah menebar dalam sastera Indonesia. Meskipun demikian, Kuntowijoyo yakin bahawa transendensi itu sangat efektif bagi kemanusiaan.

Dengan mengutip pendapat Roger Garaudy, Kuntowijoyo menyebutkan bahawa unsur transendensi terbahagi kepada tiga iaitu pengakuan ketergantungan manusia kepada Tuhan, wujud perbezaan mutlak antara manusia dengan Tuhan serta pengakuan akan adanya norma-norma mutlak dari Tuhan yang bukan berasal dari manusia. Dalam Islam menurut Kuntowijoyo, transendensi itu terkandung kekuatan pembentuk struktur paling dalam atau teras dalam Islam iaitu tauhid (Kuntowijoyo, 2004: 29). Islam pada struktur dalaman terdiri daripada akidah, ibadah, akhlak dan syariat dalam erti khusus dan muamalah dalam erti yang luas. Pada struktur permukaan pula terdapat perlakuan yang tampak secara langsung iaitu solat, puasa dan moral misalnya. Kerangka ini akan diteliti dalam novel *Wajah Seorang Wanita*. Tujuannya adalah melihat sejauhmana novel ini memenuhi konsep *tu’minubillah* yang dianjurkan oleh Kuntowijoyo. Kupasan tentang *deep structure* yang melatari tauhid

iaitu akidah, ibadah, akhlak, syariat dan muamalat ini akan diperihalkan satu persatu berdasarkan penerapannya oleh S.Othman Kelantan lewat *Wajah Seorang Wanita*.

Kekuatan Doa

Akidah secara etimologinya berakar dari perkataan “*aqada-ya’-qidu-‘aqdan-‘aqidatan*” (Yunahar Ilyas, 1995: 1). *Aqdan* bermaksud simpulan, ikatan atau perjanjian. Namun akidah yang diguna pakai sekarang lebih merujuk kepada “keyakinan”. Relevansi antara “*aqdan*” dan “akidah” adalah keyakinan yang tersemat utuh dalam hati, bersifat mengikat dan mengandungi perjanjian. Akidah ialah kepercayaan yang memastikan setiap mukallaf yang mukmin berpegang kepada kewujudan Allah serta membenar apa-apa yang diyakininya sehingga termasuk dalam kalangan orang-orang mukmin (Abdul Rashid Mahmud, 2007: 2). Menurut Hassan Al- Banna lewat *Majmu’atu ar-Rasail*, akidah adalah beberapa yang wajib diyakini oleh hati, mendatangkan ketenteraman jiwa dan menjadi suatu yang tiada keraguan.

Dalam konteks *Wajah Seorang Wanita*, dikesani watak Siti Musalmah digambarkan sebagai seorang wanita yang beriman dan memiliki satu pegangan akidah yang kuat. Ia dikesani apabila watak ini dilihat sangat yakin dan bergantung sepenuhnya kepada pertolongan dan ihsan Allah serta tidak menyekutukan-Nya. Siti Musalmah menjadikan doa sebagai medium untuk meluahkan segala keluh kesah, kegembiraan dan permasalahan yang dihadapi kepada Allah SWT. Hal ini kerana, Allah itu bersifat Maha Pengasih dan Maha Penyayang serta mendengar setiap rintihan makhluknya. Ia dinyatakan menerusi:

“...Dan kadang-kadang aku ikut bersama mengulangi ayat-ayat lazim dan menutupnya dengan Al-Fatihah. Seperti lumrahnya ibu berdoa panjang selepas itu. Aku dan kakakku mengaminkannya. Dan seperti lazimnya juga aku sering melihat air mata ibu mengalir mencurah-curah membelahi kedut-kedut pipinya yang sudah dimakan usia itu. Aku tidak maklum mengapa ibu menangis, akan tetapi aku sedar bahawa itulah satu-satunya kekusyukan ibu dalam mendekati dirinya dengan Allah subhanahu wa taala...”

(*Wajah Seorang Wanita*, 1990: 15)

Didapati, watak Siti Musalmah diperagakan sebagai seorang hamba Allah yang teguh pegangan akidahnya. Petikan ini juga menunjukkan kekuatan doa yang menjadi penghubung antara Allah dengan hambanya. Ritual doa tidak hanya dilakukan oleh golongan Islam, tapi ia juga terdapat dalam agama lain misalnya Kristian, Hindu dan Budha dengan tata cara yang berlainan. Bagi umat Islam, tata cara doa dilakukan dengan mengangkat tangan, atau diperbolehkan juga tidak mengangkat tangan. Dapat dikatakan bahawa, doa itu sangat penting bagi kehidupan manusia. Hal ini kerana setiap agama menganjurkan untuk berdoa kepada Tuhan masing-masing. Apabila seseorang tidak mahu berdoa kepada Tuhannya, hal itu tidak akan mengurangi Keesaan Tuhan, tapi secara tidak langsung ia mempengaruhi kepada aspek kejiwaan manusia. Bagi hamba yang tidak mahu berdoa kepada Tuhan, dikhuatiri mereka akan merasa hampa dalam memenuhi kebutuhan rohani. Kesannya, ia bakal memperlihatkan akidah yang lemah dan ketiadaan pegangan hidup yang utuh kepada Sang Pencipta.

Pembentukan Keperibadian Muslim

Ibadah dalam Islam bermaksud satu jalinan atau hubungan antara makhluk dengan Allah SWT (Ghazali Darussalam, 2001: 89). Ibadah mencakupi semua hal yang disukai Allah. Dikatakan bahawa, mengerjakan perintah Allah dan meninggalkan larangan-Nya juga merupakan satu bentuk ibadah. Adab kebiasaan yang disyariatkan misalnya makan, minum dan berpakaian juga menjadi ibadah jika dilakukan dengan ikhlas semata-mata kerana mentaati perintah Allah SWT. Hal ini adalah kerana, ia suatu cara untuk seorang hamba menzahirkan kecintaannya kepada Allah. Firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 165, “Tetapi orang-orang yang beriman lebih cinta kepada Allah.” Ibadah merupakan tujuan utama Allah SWT menciptakan manusia. Allah SWT juga mengatur para rasul untuk tujuan tersebut. Hal ini dinyatakan Allah SWT menerusi firman-Nya lewat surah Adz-Dzariyyat, ayat 56, “Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku.”

Terdapat beberapa jenis ibadah dalam usaha menzahirkan keimanan kepada Allah SWT. Ibadah utama yang juga terdapat dalam rukun Islam adalah mengucap dua kalimah syahadah, menunaikan solat lima waktu, berpuasa dalam bulan Ramadhan, menunaikan zakat dan mengerjakan haji. Mengucap syahadah merupakan ibadah yang tergolong dalam ibadah *qauliyah*. Hal ini kerana, keislaman seseorang tidak akan diiktiraf sebagai sah selagi belum mengucapkan dua kalimah syahadah. Bagi golongan yang kurang upaya seperti bisu, cukup jika dinyatakan melalui bahasa isyarat atau sikap yang menunjukkan keimanannya. Dalam konteks *Wajah Seorang Wanita*, pengucapan dua kalimah syahadah dikesani wujud melalui episod sakaratulmaut *Abuya* Hasan misalnya.

“Siti Musalmah melihat Mak Nik Mah berbisik sesuatu ke telinga anaknya itu. Imam Omar tidak berkata apa-apa tetapi terus saja mengajar ayahnya mengucap dua kalimah syahadah. *Abuya* Hasan tidak kelihatan bergerak tetapi dua bibirnya bergerak-gerak sedikit seperti mengikut apa yang diucapkan oleh anak lelakinya itu...”

(*Wajah Seorang Wanita*, 1990: 111)

Petikan ini memaparkan keperluan bersyahadah sewaktu sakaratulmaut. Hal ini bagi memastikan mereka meninggal dunia sebagai seorang yang beragama Islam. Namun begitu, lewat peristiwa ini, S.Othman Kelantan menggunakan simbol kalimah syahadah ini untuk menyatakan kesaksian yang membawa implikasi besar kepada tuntutan solat, puasa, zakat dan haji watak Imam Omar. Sebagai seorang imam dan ahli kitab, watak ini diperagakan meninggal dunia dalam keadaan beriman selari dengan amal ibadat yang dikerjakannya sebagai bekalan di akhirat kelak.

Sementara itu, solat, puasa, zakat dan haji pula merupakan ibadah praktis. Firman Allah berkenaan dengan perintah mengerjakan ibadah ditemukan dalam surah Al-Bayyinah, ayat 5, “Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah kepada Allah dengan memurnikan ketaatan kepada-Nya dalam menjalankan agama dengan lurus dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat dan demikianlah itulah agama yang lurus.” Ibadah (lahiriah) adalah bertujuan untuk memperbaiki akhlak seseorang (Amru Khalid, 2013: 23). Allah berfirman lewat surah Al-Ankabut, ayat 45, “Dan dirikanlah solat. Sesungguhnya salah itu mencegah dari (perbuatan) keji dan mungkar.” Perkara yang membezakan akhlak

seseorang itu baik atau tidak adalah sejauhmana solat itu dilakukan dengan sempurna. Solat yang dikerjakan dengan penuh ikhlas dan mengharapkan keredhaan Allah pasti akan menjadikan akhlak seseorang lebih baik.

Lewat *Wajah Seorang Wanita*, pengarang juga ada memasukkan perlakuan solat sebagai suatu bentuk ibadah utama selain bekerja, menuntut ilmu, melayani suami dengan makruf dan berdakwah. Solat ialah beberapa perkataan dan perbuatan yang didahului dengan takbir dan diakhiri dengan salam serta mengandungi syarat-syarat tertentu. Sebelum melakukan ibadat solat, seseorang itu mestilah terlebih dahulu menyucikan diri daripada hadas dan najis. Sekiranya ibadat solat itu dilakukan dalam keadaan diri tidak suci, maka amalan tersebut dikira tidak sah. Solat merupakan tanda pertalian terus seorang hamba dengan Allah. Islam memfardhukan ke atas umatnya melaksanakan solat wajib sebanyak lima waktu sehari semalam. Solat adalah asas dalam Islam, ia juga adalah landasan perhubungan manusia dan pernyataan kepada keimanan manusia. Di samping itu, ia adalah syarat tertegaknya keislaman seseorang kerana ia hasil kewujudan daripada rukun yang pertama, iaitu syahadah yang membawa pertalian antara lafaz dan amalan. Soal-soal peribadatan yang telah disyariatkan dalam Islam bukanlah upacara atau perbuatan tanpa tujuan atau. Sebaliknya, semua kewajipan yang telah ditetapkan oleh Islam kepada umatnya adalah merupakan latihan yang berulang-ulang untuk membiasakan umatnya agar dapat hidup dengan budi pekerti yang lurus dan benar;

“...Dengan pandangan yang simpatik tuan guru bingkas bangun dan mengambil wuduk. Kemudian dia sembahyang sunat dengan lama dan berdoa dengan panjang dan mencururkan air mata berdepan dengan kebesaran Allah subhanahu wa taala...”

(*Wajah Seorang Wanita*, 1990: 36)

Pengarang memperlihatkan bahawa, antara cara Tuan Guru Haji Nik Abdullah untuk berhubungan langsung dengan Allah adalah melalui solat dan doa. Hubungan ini terjadi secara terus menerus antara hamba dengan makhluk tanpa sempadan. Islam telah menyebut kepentingan solat dalam berbagai-bagai segi. Antaranya mereka yang melengkapkan diri dengan sifat-sifat yang terpuji mendapat petunjuk daripada Allah SWT dan seterusnya beroleh kejayaan. Dari sudut lain, al-Qur'an menerangkan solat berupaya memberikan kesan pembersihan diri dan mengawal akhlak manusia daripada terjerumus ke lembah penghinaan serta membersihkan hati manusia daripada naluri-naluri yang tidak sihat. Penggunaan simbol solat yang diperlihatkan pengarang membawa mesej bahawa, solat merupakan tunjang segala aspek ibadat yang lain. Ia merupakan cerminan keperibadian yang mulia. Jika pincang solat seseorang muslim, maka akan terjejaslah amal ibadatnya yang lain. Dikatakan bahawa, jika seseorang itu mengerjakan solat namun masih melakukan dosa seperti mencuri, rasuah dan mengumpat misalnya, solatnya itu harus diteliti semula kerana dikhuatiri tidak sempurna. Hal ini kerana, solat yang sempurna dapat membentuk peribadi dan akhlak yang baik.

Ibadah yang termasuk dalam Rukun Islam yang ketiga ialah mengerjakan puasa dalam bulan Ramadhan. Allah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 183, “Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertaqwa.” Ayat tersebut menunjukkan bahawa, puasa bukanlah suatu ketetapan yang baru malahan ia telah pun dilaksanakan oleh umat manusia sejak zaman

dahulu. Ramadhan juga merupakan bulan al-Qur'an diturunkan. Peristiwa ini membawa makna yang besar bagi umat Islam. Al-Qur'an merupakan petunjuk bagi manusia dan membezakan perkara yang hak dan batil (Ahmad Muhammad Yusuf, 2008: 250).

Hikmah berpuasa yang seterusnya adalah latihan untuk memupuk sifat sabar. Sepanjang tempoh berpuasa, manusia sering melihat makanan yang enak-enak dijual oleh peniaga tidak kira di bazaar ramadhan atau restoran makanan segera. Namun ia harus menahan diri dari makan dan minum sehingga berkumandangnya azan maghrib. Tindakan ini dilakukan dengan penuh kesabaran kerana mereka sedar Islam melarang berbuka dengan sengaja tanpa ada keuzuran. Dan yang terakhir sekali, puasa diwajibkan agar manusia mengerti penderitaan orang yang lapar dan miskin. Hal ini akan mendorong mereka agar membantu golongan yang susah. Secara tidak langsung juga, manusia akan belajar erti bersyukur dan tidak berlebih-lebihan dalam berbelanja sama ada makanan mahupun keperluan-keperluan lain. Ibadah puasa turut dikesani dimasukkan S.Othman Kelantan dalam *Wajah Seorang Wanita*. Ia diserlahkan melalui watak Siti Musalmah yang akan berpuasa penuh gara-gara telah mengandung.

“...Sudah dua bulan dia tidak datang bulan. Suaminya telah membisikkan sesuatu kepadanya dengan secara gurauan. “Nampaknya terus saja berpuasa sebulan Ramadhan ini”. Siti Musalmah tersenyum seperti tidak jadi...”

(*Wajah Seorang Wanita*, 1990: 96)

Lewat pemeragaan ibadat puasa pada watak Siti Musalmah, S.Othman Kelantan sebenarnya mahu menyatakan bahawa “puasa” itu merupakan suatu cara bagi memupuk sifat sabar dalam diri manusia. Siti Musalmah yang digambarkan berpuasa di bulan Ramadhan dalam keadaan sedang mengandung dan berkeadaan lemah berbanding orang lain perlu lebih bersabar dalam menjalani ibadatnya. Ibadah puasa mempunyai hubungan dengan solat dan zakat misalnya. Seseorang yang berpuasa wajib solat, jika tidak puasanya hanya sia-sia. Manakala seseorang yang berpuasa wajib membayar zakat fitrah sebelum berakhirnya bulan Ramadhan.

Ibadah terakhir sekali yang ditetapkan dalam Rukun Islam adalah ibadah haji. Ia wajib dikerjakan bagi umat Islam yang mampu. Firman Allah dalam surah Ali Imran ayat 97, “Mengerjakan haji adalah suatu kewajipan manusia terhadap Allah, iaitu (bagi) orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah. Barangsiapa mengingkari (kewajipan haji), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari semesta alam”. Ibadah haji wajib ke atas kaum wanita sebagaimana kaum lelaki. Dalam konteks novel ini, isu haji ini juga diketengahkan pengarang. Ia diserlahkan melalui watak Tuan Guru Haji Nik Abdullah yang digambarkan berpeluang mengerjakan haji beberapa kali sepanjang hidupnya:

“...Dengan tiba-tiba dia melihat kejayaan ayahnya sebagai ulama’. Ayahnya pernah ke luar negeri, terlalu lama berada di Makkah dan Madinah. Sebab itulah dalam usia agak lanjut baru ayahnya menjejakkan kakinya ke tanah air dan berkahwin pun di sana. Sejak kembalinya ke tanah air, telah beberapa kali pula ke Makkah menunaikan farhu haji disamping mengetuai rombongan haji dalam beberapa tahun...”

(*Wajah Seorang Wanita*, 1990: 108)

Lewat pemeragaan ibadat haji pada watak Imam Omar, pengarang mahu menyampaikan amanat bahawa ia merupakan suatu bentuk jihad dan kaedah penyucian jiwa manusia. Seseorang yang mengerjakan haji, meninggalkan keluarga dan harta benda semata-mata untuk fokus beribadat kepada Allah SWT. Hal demikian kerana, mereka mahu memohon keampunan di atas segala dosa-dosa dan kemungkarannya yang dilakukan sebelumnya agar haji yang mereka kerjakan adalah haji yang mabrur. Ibadat haji turut berkait rapat dengan akhlak misalnya. Seseorang yang berada di tanah suci harus menjaga akhlaknya termasuklah percakapan dan perbuatan.

Kepentingan Sabar

Dari sudut bahasa, akhlak ialah perkataan jamak dari *khuluq* yang bermaksud tabiat, watak atau pekerti (Azhar Abdul Rahman et. all, 2012: 71). Dikatakan juga, akhlak berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud maruah, tabiat dan agama (Mustafa al-Adawi, 2007: 207). Secara mudahnya ia bererti gambaran perbuatan manusia secara batin sama ada baik atau buruk. Walaubagaimanapun, perlakuan yang dipamerkan itu mempunyai sifat khusus dan berupaya menggambarkan zahir seseorang. Akhlak terbahagi kepada dua iaitu tabiat asal (fitrah) dan sesuatu yang muncul akibat desakan (latihan dan kebiasaan). Menurut Azhar Abdul Rahman lewat *Memahami Kerangka Islam* (2012), beliau menyatakan bahawa akhlak terbahagi kepada dua iaitu akhlak terpuji (*mahmudah*) dan akhlak terkeji (*mazmumah*). Akhlak *mahmudah* misalnya syukur, jujur, tawadduk dan sabar, manakala akhlak *mazmumah* pula seperti dengki, riak, bakhil dan tamak. Dapat dikatakan bahawa, akhlak terdapat dalam setiap diri manusia dan sangat berhubungan dengan dalaman seseorang. Ia dijelmakan melalui perbuatan. Hal ini kerana, akhlak sangat mempengaruhi keadaan tingkahlaku seseorang. Kebiasaannya, seseorang yang menunjukkan perilaku yang baik mempunyai akhlak yang tinggi dan demikian sebaliknya.

Sabar merupakan salah satu akhlak terpuji yang paling utama dan ditekankan dalam al-Qur'an baik pada surah Makkiah mahupun Madaniah (H. A. Aziz Salim Basyarahil, 2010: 1). Imam al-Ghazali lewat *Ihya' Ulumuddin* menyatakan bahawa Allah menyebut perkataan sabar lebih daripada tujuh puluh kali dalam al-Qur'an. Hal ini memaparkan penegasan tentang kepentingan bersabar dalam menghadapi apa-apa musibah. Allah berfirman dalam surah An Nahl, ayat 126, "Dan jika kamu membalas, maka balaslah dengan (balasan) yang sama dengan seksaan yang ditimpakan kepadamu. Tetapi jika kamu bersabar; sesungguhnya itulah lebih baik bagi orang yang sabar. Dan bersabarlah (Muhammad) dan kesabaranmu itu semata-mata dengan pertolongan Allah dan janganlah engkau bersedih hati terhadap (kekafiran) mereka dan jangan (pula) bersempit dada terhadap tipu daya yang mereka rencanakan."

Dalam konteks novel kajian, penampilan sifat sabar diperagakan lewat watak Siti Musalmah. Digambarkan watak ini sentiasa diselubungi dengan kesedihan dan kehilangan orang tersayang sepanjang hayatnya. Namun begitu, sebagai seorang yang beragama Islam, Siti Musalmah tetap bersabar dan tidak mengeluh dengan sebarang ujian dari Allah. Walaupun batinnya sering menangis, ia adalah tidak lebih sebagai tanda kelembutan dan kehalusan hati seorang wanita yang fitrahnya mudah merasa sedih. Watak ini bagaimanapun sangat cekal untuk meneruskan hidup. Ia juga secara tidak langsung menggambarkan pemikiran pengarang tentang survival hidup wanita Kelantan secara keseluruhannya. Ia diserlahkan melalui:

“...Bersabarlah. Allah akan menentukan segalanya. Berdoalah kepada-Nya. Takdir-Nya itu menentukan kedudukan kita semuanya. Bersabarlah dan mengucaplah...”

(Wajah Seorang Wanita, 1990: 101)

“...‘Ujian besar ke atas kita sebagai ibu bapa,’ kata suaminya ketika itu. ‘Hanya emas tulen sahaja perlu diuji oleh tukang emas. Kalau cuaca atau perak atau timah tidak perlu diuji ketahanan dan mutunya, keranan sudah jelas tidak bermutu. Untuk menentukan mutu yang baik, untuk mengetahui sebenar-benar emas sepuluh, emas tulen, maka perlu menjalani beberapa ujian yang besar. Selepas menjalani ujian itu, barulah ternyata bahawa emas itu sebenar-benarnya emas. Kita wajib bersabar’...”

(Wajah Seorang Wanita, 1990: 104)

Pengarang menunjukkan situasi Siti Musalmah yang sabar apabila berhadapan dengan musibah dan saat-saat kehilangan anak sulungnya Muhammad. Ibu mertuanya menasihati agar Siti Musalmah sentiasa bersabar dengan dugaan Allah dan sentiasa ingat bahawa Allah Maha Besar serta Dialah penentu segala apa yang berlaku di bumi ini. Petikan kedua pula menyaksikan suami Siti Musalmah iaitu Imam Omar memberikan sokongan kepada beliau untuk sentiasa sabar walaupun baru sahaja kehilangan anak. Atas sokongan dan kasih sayang keluarga, Siti Musalmah berjaya mengharungi segala dugaan yang menyimpannya dengan ikhlas dan redha. Kesabaran yang ditonjolkan oleh Siti Musalmah berupaya meningkatkan tahap keimanan kepada Allah SWT, yang menurut Kuntowijoyo merupakan puncak tertinggi menuju visi keilahan dalam Sastera Profetik.

Yang Hak dan yang Batil

Syariat dari segi bahasa bermaksud aliran atau jalan yang lurus (Azhar Abdul Rahman et. all, 2012: 59). Dari sudut umum pula syariat membawa erti keseluruhan hukum hakam yang ada dalam ajaran Islam yang merangkumi akidah dan akhlak. Manakala permaknaan dari sudut yang khusus, syariat lebih merupakan disiplin amali atau disiplin perlakuan (peraturan) manusia dalam hubungan dengan Allah SWT dan perhubungan manusia sesama manusia. Dari segi istilah, syariat bermaksud segala hukum hakam yang telah ditentukan oleh Allah SWT kepada manusia merangkumi hal yang berkaitan dengan akidah, ibadah, muamalah atau akhlak. Hukum hakam ini sama ada bersifat sah, batal, haram, halal, wajib, makruh, harus atau sunat. Syariat ini meliputi keseluruhan hidup manusia dengan Allah dan sesama manusia.

Hukum hakam ini berteraskan al-Qur’an, hadis, ijmak ulama’ dan Qias. Dikatakan bahawa, setiap permasalahan yang berlaku ada hukum hakam yang wajib dipatuhi. Umat Islam wajib mematuhi syariat yang telah ditetapkan misalnya sewaktu melakukan akidah, ibadah khusus, jenayah yang melibatkan agama, nyawa, harta benda dan maruah. Undang-undang lain misalnya yang berkaitan dengan ekonomi, pendidikan dan politik hanya diberikan prinsip-prinsip asas yang perlu dipatuhi. Adalah menjadi tanggungjawab pemerintah untuk melaksanakannya mengikut kesesuaian zamannya. Sebagai hamba Allah yang patuh kepada perintah-Nya, segala hukum-hukum ini tidak boleh dipertikaikan kerana ia bersifat mutlak. Misalnya, syariat telah menetapkan bahawa puasa sebulan hanya wajib dalam bulan Ramadhan, solat subuh dua rakaat dan seumpamanya. Dalam konteks hukum

hakam yang bersifat umum, manusia harus tahu menyesuaikan dengan kehendak zaman dan persekitaran. Syariat merupakan suatu yang bersifat praktikal dan menjadi tunggak kepada Islam. Kepentingan mematuhi syariat adalah ia dapat memimpin manusia kepada Allah SWT di samping menguatkan lagi keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT.

Kata “al-faraidh” adalah bentuk jama’ dari *al-faraidhah* yang ertinya pembahagian. Kata *al-faraidhah* adalah bentuk maf’ul yang bererti sesuatu yang telah ditentukan dalam syariat (Wahbah Suhaili dan Shaik Muhammad Ali Shabuni, 2014: 3). Dan ilmu faraidh adalah merupakan ilmu pembahagian harta warisan.

Pembahagian harta warisan melalui cara yang terdapat di dalam ilmu faraidh akan menghasilkan pembahagian yang seadil-adilnya kerana ia berdasarkan wahyu. Kadar dan bahagian masing-masing telah ditetapkan oleh wahyu. Manusia atau pihak mahkamah misalnya, hanya berfungsi sebagai menunaikan pelaksanaan hukum Allah dalam perkara ini. Hukum atau tatacara pembahagian harta waris melalui faraidh adalah wajib. Allah berfirman dalam surah An-Nisa’ ayat 176, “Allah memerintahkan kamu mengenai pembahagian harta pusaka untuk anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih daripada dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati.”

Golongan yang berhak kepada harta pusaka hanyalah orang-orang yang disebut sebagai ahli “waris” yang terdiri daripada pihak lelaki dan perempuan. Misalnya daripada pihak lelaki adalah anak lelaki, anak lelaki daripada anak lelaki (cucu), bapa, datuk, saudara lelaki seibu sebapa (saudara kandung), saudara lelaki sebapa, saudara lelaki seibu, anak lelaki daripada saudara lelaki seibu sebapa, anak lelaki daripada saudara lelaki sebapa, bapa saudara yang seibu sebapa dengan bapa, bapa saudara yang sebapa dengan bapa, anak lelaki daripada bapa saudara yang seibu sebapa, anak lelaki daripada bapa saudara yang sebapa dengan bapa, suami dan orang yang memerdekakan hamba sahaya (bekas tuannya). Manakala daripada pihak perempuan, anak perempuan, anak perempuan daripada anak lelaki, ibu, nenek perempuan daripada pihak ibu, nenek perempuan daripada pihak bapa, saudara perempuan seibu sebapa, saudara perempuan sebapa, saudara perempuan seibu, isteri dan perempuan yang memerdekakan hambanya. Dapat dikatakan bahawa, pembahagian harta pusaka mengikut faraid ini merupakan salah satu syariat Allah yang telah ditentukan.

Dalam konteks *Wajah Seorang Wanita*, hukum faraidh (ketetapan Allah berkenaan pemilikan harta pusaka) merupakan salah satu bentuk syariat yang dimasukkan pengarang. Namun ada pihak yang sedaya upaya menentang hukum Allah ini. Hal ini boleh mengakibatkan keruntuhan nilai-nilai tauhid dalam diri seseorang. Ia ditemukan dalam episod yang menyaksikan krisis antara golongan feodal yang menyarankan secara paksaan tidak langsung supaya memenangkan pihak yang tidak berhak ke atas harta pusaka sebuah keluarga diraja Kelantan. Ia diserlahkan melalui watak Tuan Guru Haji Nik Abdullah (ketika itu merupakan Kadi Besar Negeri) dan sahabatnya Mufti Haji Wan Musa, misalnya:

“...Secara individu seorang yang berkuasa penuh telah menyarankan supaya Mufti Haji Wan Musa menyebelahi suatu pihak yang disukai oleh golongan itu, supaya memenangkannya dalam perbicaraan kes harta pusaka. Dan inilah yang sedang berkecamuk dalam fikiran Haji Nik Abdullah. Mufti Haji Wan Musa telah memintanya bersama-sama menegakkan hukum Allah di muka bumi...”

(*Wajah Seorang Wanita*, 1990: 31)

Petikan ini menyentuh tentang penolakan hukum faraidh yang melibatkan sebuah keluarga ternama di Kelantan. Peristiwa ini merupakan simbol kepada ketidakadilan dalam pembahagian harta pusaka. Bagi mencapai tingkat ketauhidan yang tinggi, soal syariat dalam pembahagian harta pusaka harus dipandang serius. S.Othman Kelantan lewat watak Mufti Haji Wan Musa dan Haji Nik Abdullah memperagakan bahawa golongan ini menolak penindasan golongan feudal dan memilih untuk melepaskan jawatan sebagai Ketua Kadi kerajaan Kelantan dan Mufti Kelantan semata-mata tidak mahu bersubahat. Hal ini kerana, mereka tahu bahawa Allah telah menetapkan hokum hakam dalam pemilikan harta pusaka dan hanya yang berhak harus mendapat bahagiannya.

Jual Beli

Muamalah membawa pengertian segala urusan kehidupan manusia yang berkait dengan kegiatan harian dalam semua bidang termasuklah aspek ekonomi (Abdul Basir Hj Mohamad dan Jafril Khalil, 1998: 49). Dalam pengertian yang lebih menyeluruh, ia merupakan suatu kegiatan akad yang dipersetujui bersama yang membawa kesan pertukaran hak milik barangan atau dagangan dengan wang untuk mendapat faedah bersama. Ayat ini menjelaskan bahawa kegiatan jual beli mestilah berlandaskan kepada akad yang memberi kesan kepada pertukaran barangan antara dua pihak (penjual dan pembeli). Apabila amalan ini dijadikan suatu bentuk kegiatan untuk meraih keuntungan dan faedah bersama, Islam menggelarkannya sebagai perdagangan atau perniagaan. Istilah perdagangan digunakan bagi kegiatan jual beli yang dilakukan oleh dua orang atau lebih atau secara kolektif untuk mendapat keuntungan sejajar dengan kehendak dan perundangan Islam. Oleh yang demikian, pensyariatan perniagaan juga merupakan suatu bentuk ibadah asalkan ia dilakukan dengan niat yang betul dan jujur.

Terdapat beberapa konsep dan falsafah muamalat misalnya yang pertama adalah setiap urusan muamalat yang berkaitan dengan orang lain termasuklah perniagaan mestilah berdasarkan akad atau perjanjian antara dua pihak, sama ada formal atau tidak, bertulis atau lisan dan ia harus disaksikan (ada pihak ketiga). Akad yang dimaterikan itu juga mestilah mendatangkan keuntungan dan kepuasan, bukannya penindasan kepada sebelah pihak lainnya. Selain itu, faedah atau manfaat yang diterima mestilah selari dengan kehendak akidah, akhlak dan perundangan Islam. Hal ini penting dalam memastikan keuntungan tersebut boleh diterima sebagai salah satu bentuk ibadah. Kegiatan perniagaan yang dilakukan juga mestilah jujur dan amanah, bukannya penipuan dan penyelewengan. Dari segi pemilikan harta, ia mestilah bersih dari unsur-unsur riba dan subhah. Oleh sebab itu, Islam mensyariatkan untuk mengeluarkan zakat bagi tujuan membersihkan harta setelah cukup rukun dan syaratnya. Selain itu, semua kaedah dan peraturan yang ditetapkan haruslah menjamin hak dan kepentingan masyarakat agar tidak timbul kekecohan atau pergaduhan. Melalui falsafah muamalat ini, masyarakat senang menerima prinsip-prinsip muamalat yang sejajar dengan fitrah manusia iaitu kebebasan, keadilan dan ihsan.

Kegiatan jual beli turut diperagakan S.Othman Kelantan lewat *Wajah Seorang Wanita*. Ia diperagakan menerusi watak Siti Musalmah. Perletakan watak wanita sebagai penggerak kepada aktiviti jual beli di Kelantan sememangnya sinonim dengan identiti negeri tersebut. Bentuk perniagaan yang menjadi tumpuan wanita Kelantan adalah perniagaan pasar (W.A Graham 1908). Aktiviti wanita Kelantan yang berjual beli sambil duduk, sebagai satu

keadaan yang unik dan berbeza sekali. Ia sekaligus memaparkan ketabahan, kehebatan, keistimewaan serta keunikan dan kecekalan wanita Kelantan. Aktiviti jual beli ini diserlahkan lewat:

“...Dan Siti Musalmah sendiri telah menjadi peniaga tetap di sebuah gerai di Pasar Besar Kota Bharu. Setiap pagi Siti Musalmah dengan menaiki bas lorong ke Kota Bharu bersama Minah Saleh kerana menjalankan urusan perniagaannya. Sebenarnya, demikian fikirnya, dia bukan berniaga dalam makna yang sebenarnya. Dia hanya menjadi peraih menjual barang-barang keperluan harian seperti sayur, ubi, jagung, sambal ikan dan kadang-kadang daging yang telah dimasukkan dalam kampak kecil, dodol, pisau kecil, makanan kering dan lain-lain. Kadang-kadang Siti Musalmah memasarkan udang galah dan udang sungai yang dibelinya di pangkalan Wakaf Tuk Kassim daripada para nelayan...”

(*Wajah Seorang Wanita*, 1990: 233)

Pengarang memperlihatkan watak Siti Musalmah sebagai nadi yang menghidupi aktiviti jual beli di Kota Bharu. Siti Musalmah digambarkan sangat jujur dan amanah dalam menjalankan perniagaan. Segala etika dalam muamalat dipatuhi termasuklah tidak mengamalkan riba dan melaksanakan aktiviti yang mendatangkan keadilan serta faedah kepada dua-dua pihak.

Al-Qur'an dan sunnah menjelaskan bahawa hukum jual beli atau muamalat dalam perdagangan adalah harus. Sebaliknya, kegiatan jual beli yang didasarkan kepada riba, tipu daya dan penindasan adalah haram. Hal ini diperihalkan dalam surah al-Baqarah ayat 275, “Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba”. Melalui surah an-Nisa juga diperihalkan mengenai urusan perniagaan lewat ayat 29, “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, melainkan dengan perniagaan yang dilakukan penuh redha meredhai di kalangan kamu.”

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat dikatakan bahawa etika *tu'minubillah* yang dimaknakan Kuntowijoyo sebagai transendensi merupakan etika terpenting dalam gagasan sastera Profetik. Transendensi diperlukan untuk merealisasikan etika humanisasi dan liberasi. Transendensi juga merupakan puncak tertinggi daripada tiga etika ini. Melaluinya terdapat perbincangan tentang struktur dalam agama yang berteraskan tauhid atau mengesakan Allah. Ketauhidan ini kemudiannya dizahirkan melalui akidah, ibadat, akhlak, syariat dan muamalat dalam seluruh kehidupan manusia. Kelima-lima pecahan ini merangkumi persoalan besar iaitu Iman, Islam dan Ihsan. Didapati, Siti Musalmah dalam *Wajah Seorang Wanita* merupakan watak yang menjadi puncak untuk menggambarkan ciri-ciri khalifah terbaik yang dinyatakan menerusi surah Ali 'Imran ayat 110. Watak Siti Musalmah digambarkan sebagai seorang wanita yang begitu jitu terhadap etika *tu'minubillah*. Hal ini kemungkinan besar disebabkan oleh watak ini diinspirasikan daripada ibu kepada S.Othman Kelantan sendiri. Justeru itu, pemaparan watak “ibu” sebagai wanita ideal dan solehah dalam novel ini sangat bersesuaian sehingga ia menjadi model yang tepat untuk menggambarkan etika *tu'minubillah*. Novel ini juga menyaksikan darjat *tu'minubillah* lebih berat berbanding novel-novel S.Othman Kelantan yang lain. Dapatan ini seakan membenarkan bahawa S. Othman Kelantan

merupakan seorang yang berupaya menghasilkan karya yang mengangkat persoalan berat seperti moral dan agama. Ia adalah kerana, beliau memiliki horizon pembacaan yang luas selain faktor diri yang akrab dengan bacaan kitab sehingga dapat menjadikan fakta yang akan dihuraikan tepat dan bermotif. Kajian ini merumuskan bahawa S.Othman Kelantan bukan sahaja mengangkat isu keprofetikan terhadap perwatakan dalam novel, malahan sifat tersebut juga sangat terserlah melalui karya dan aspek latar diri pengarang sehingga merentas kepada akar tradisi Melayu-Islamnya.

RUJUKAN

- Abdul Basir Hj Mohamad dan Jafril Khalil. 1998. *Isu Syariah dan Undang-Undang*. Bangi: Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rashid Mahmud. 2007. *Keunggulan Akidah Tauhid*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ahmad Muhammad Yusuf. 2008. *Himpunan Dalil dalam Al-Qur'an dan Hadits*. Jakarta: PT. Media Suara Agung.
- Amru Khalid. 2013. *Semulia Akhlak Nabi*. Solo: PT Aqwam Media Profetika.
- Awang Sariyan. 2007. *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Abdul Rahman et. all. 2012. *Memahami Kerangka Islam*. Shah Alam: Penerbit Universiti Teknologi Mara.
- Ghazali Darusalam. 2001. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- H. A. Aziz Salim Basyarahil (ptrj). 2010. *Motivasi dan Pengaruh Sabar dalam Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Ilham Baru.
- Heddy Shri Ahimsa Putra. 2011. *Paradigma Profetik: Mungkinkah? Perlukah?* Yogyakarta: Universitas Gadjah Mada.
- Kuntowijoyo. 2004. *Ilmu Sosial Profetik Sebagai Gelakan Intelektual*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Kuntowijoyo. 2006. *Budaya dan Masyarakat*. Yogyakarta: Tiara Wacana Yogya.
- Mawar Safei. 2014. *Inilah Karangan Saya: Narasi Penciptaan Cerpen*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Faizal Musa. 2011. Wacana Sastera Transendental. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, vol.13: 29-40.
- Mustafa al-Adawi. 2007. *Mencapai Kebahagiaan dengan Ilmu dan Amal: Asas-asas Dalam Berdakwah*. Puchong: Berlian Publications Sdn. Bhd.
- Norsuhada Mohammed. 2017. *Remaja Islam dalam Novel Zaid Akhtar Berdasarkan Konsep Kaffah*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- S.Nathesan. 2012. *Leksikologi Kata Sinonim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.Othman Kelantan. 1966. *Pengertian*. Kota Bharu: Pustaka Murni.
- S.Othman Kelantan. 1967. *Pertentangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- S.Othman Kelantan. 1973. *Perjudian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.Othman Kelantan. 1974. *Angin Timur Laut*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu.
- S.Othman Kelantan. 1976. *Juara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.Othman Kelantan. 1980. *Perwira*. Pulau Pinang: Teks Publishing.
- S.Othman Kelantan. 1989. *Ruang Perjalanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.Othman Kelantan. 1991. *Ustaz*. Bandar Baru Bangi: Citra Publishing.
- S. Othman Kelantan. 1997. *Naghogho Astana*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Nusa.

- S.Othman Kelantan. 2004. *Wajah Seorang Wanita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.Othman Kelantan. 2006. *Orang Kota Baru: Edisi Khas Sasterawan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saifullizan Yahaya. 2013. *Konsep Kaffah dalam Kumpulan Cerpen Pilihan Berdasarkan Gagasan Sastera Profetik*. Tesis Master Sastera. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Shahnon Ahmad. 1991. Ustaz: Novel Penghijrahan Insan Tanpa Persinggahan. *Dewan Sastera* Jun: 88-90.
- Siti Ezaleila Mustafa. 2009. *20 Tokoh Sasterawan*. Bangi: Medium Publications.
- Siti Hajar Che Man. 2007. *Esei-esei Kritikan Feminis dalam Kesusasteraan Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Tuan Rusmawati Raja Hassan. 2010. *Kumpulan Cerpen Pada Suatu Ruang Karya Sasterawan Negara S.Othman Kelantan: Analisis Pendekatan Teksdealisme*. Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tuan Rusmawati Raja Hassan. 2014. *Intertekstualiti dalam Novel S.Othman Kelantan*. Ijazah Sarjana Sastera. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Umar Junus. 2010. *Gaya Bahasa Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2013. *Islam, Feminisme Barat dan Sastera Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- W.Said al-Mehdi. 2004 dlm Mohamad Daud Mohamad dan Muhamad Ikhrum Fadhly Hussin (pnyr.). *Pemikiran Sasterawan Negara S.Othman Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahbah Suhaili dan Shaik Muhammad Ali Shabuni. 2014. *Hukum Harta Pusaka dan Ilmu Faraid*. Johor Bharu: Pustaka Azhar.
- Yunahar Ilyas. 1995. *Kuliah Aqidah Islam*. Yogyakarta: Lembaga Pengkajian dan Pengamalan Islam (LPPI).
- Yusof Zaki. 1986. dlm. Ismail Hussein *Sastera dan Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- t.p. 2015. *Pengembangan Nilai-nilai Profetik dalam Kehidupan Berbangsa Melalui Bahasa, Sastera dan Pembelajarannya*. Seminar Internasional: Bahasa, Sastera dan Pembelajarannya. Malang: Universiti Muhammadiyah.

Biodata Penulis:

Tuan Rusmawati Raja Hassan

Penulis merupakan calon Doktor Falsafah dalam bidang Kesusasteraan Melayu, di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tumpuan kajiannya adalah terhadap kepengarangan Sasterawan Negara S. Othman Kelantan.

Mawar Safei

Penulis merupakan Prof Madya di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah kesusasteraan dan kreativiti.

Muammar Ghaddafi Hanafiah

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah pemikiran dan falsafah Melayu Islam dan kajian budaya Melayu.